

08 JUL 2002

AUSTRAL-SAWIT

AUSTRAL BINA KILANG PENAPISAN MINYAK SAWIT KEDUA DI SARAWAK

KUCHING, 8 Julai (Bernama) -- Sebuah kilang penapisan minyak sawit berharga RM50 juta akan dibina di Kidurong Industrial Area, Bintulu bagi memajukan lagi industri kelapa sawit di Sarawak.

Pengarah Urusan Austral Enterprises Berhad (Austral) Dr Radzuan Abdul Rahman berkata hari ini, loji tersebut, yang dijangka beroperasi pada 2004, adalah hasil usahasama antara Austral dan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS), melalui penubuhan syarikat Austral Edible Oil Sdn.

"Kilang keduanya di Sarawak, terletak di kawasan strategik seluas lapan hektar (20 ekar) berhampiran dengan pelabuhan Bintulu, di mana kebanyakan ladang kelapa sawit di Sarawak terletak di sepanjang Jalan Bintulu-Miri," katanya pada majlis menandatangani perjanjian usahasama di antara dua pihak itu di sini hari ini.

Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ketua Menteri dan Pengerusi LAKMNS Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta Pengerusi Austral Datuk Mohd Zuki Kamaluddin. Austral, sebuah anak syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB) di wakili oleh Dr Radzuan manakala LAKMNS, sebuah lembaga amanah kebajikan, oleh Setiausaha Kerajaan Sarawak dan setiausaha kehormat LAKMNS Datuk Amar Abdul Aziz Hussain.

Beliau berkata sebanyak 60 peratus daripada minyak sawit mentah, yang akan diproses di loji itu dijangka akan datang daripada 14 ladang kelapa sawit kepunyaan Austral.

Empat puluh peratus lagi adalah daripada ladang-ladang kerajaan dan swasta yang berhampiran.

Katanya loji itu berupaya memproses kira-kira 1,000 tan minyak sawit mentah sehari pada peringkat pertama dengan potensi untuk diperkembangkan lagi di masa depan.

Austral, syarikat perladangan swasta terulung di Sarawak, merupakan syarikat yang pertama menyahut pelawaan kerajaan Sarawak agar syarikat-syarikat swasta menerokai tanah-tanah hutan di negeri ini untuk tujuan pertanian pada awal tahun lapan puluhan, katanya.

Beliau berkata setakat ini, Austral telah membelanjakan hampir RM0.5 bilion untuk membangunkan kesemua 14 ladang dan tiga buah kilang kelapa sawitnya.

Sebanyak 12 peratus diperuntukkan untuk pembangunan infrastruktur seperti perumahan, masjid, jalanraya, klinik kesihatan, bekalan air dan letrik.

Austral, yang menyediakan peluang pekerjaan kepada 2,700 orang di Sarawak, menekankan pembangunan sumber manusia, terutamanya di kalangan orang-orang tempatan.

Austral kini memiliki kawasan ladang seluas 36,542 hektar dan merupakan 10 peratus dari jumlah keluasan tanaman kelapa sawit di Sarawak.-- BERNAMA

CJ RDY OS